

**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

**SURAT PEKELILING PTPTN BILANGAN 3 TAHUN 2005**

**PEMBERHENTIAN PELAKSANAAN PELEPASAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN  
BAGI PELAJAR-PELAJAR YANG MENDAPAT IJAZAH SARJANA MUDA  
KEPUJIAN KELAS PERTAMA**

PTPTN telah melaksanakan peraturan pinjaman boleh ubah untuk pelajar-pelajar Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) peringkat Ijazah Sarjana Muda yang mendapat keputusan Kepujian Kelas Pertama mulai tahun 2003. Pelajar-pelajar berkenaan akan diberikan pelepasan daripada membayar balik pinjaman pendidikan tertakluk kepada peraturan dan syarat yang dinyatakan dalam Pekeliling PTPTN Bilangan 2 Tahun 2003.

2. Berikutan kedudukan kewangan PTPTN yang terhad, keputusan telah dibuat untuk memberhentikan pelaksanaan peraturan ini untuk pelajar-pelajar yang mengemukakan permohonan pinjaman mulai 1 Julai 2005.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' OTHMAN BIN JUSOH)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Tarikh: 27 Jun 2005